

Kerajaan biaya sukuk Felda RM10 bilion untuk 10 tahun

Oleh FITRI NIZAM

fitri.nizam@mediamulia.com.my

SERDANG: Kerajaan bersetuju meneruskan dana pembiayaan sukuk Felda yang tertangguh dengan memperuntukkan RM10 bilion untuk tempoh 10 tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mengumumkan perkara itu berkata, peruntukan tersebut dilulus bagi menjamin kelangsungan Felda sebagai institusi gergasi di dalam negara.

“Saya dengan dukungan (kedua-dua) Timbalan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri menyatakan di sini bahawa

saya meluluskan dana sehingga RM1 bilion setiap tahun untuk tempoh 10 tahun kepada Felda,” kata beliau ketika berucap merasmikan sambutan Hari Peneroka Felda 2023 di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Pengerusi Felda dan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Pada majlis sama, Perdana Menteri turut mengumumkan beliau bersetuju meluluskan projek pencerahan lampu jalan di seluruh kawasan Felda mulai bulan ini.

“Pada masa sama, kerajaan setuju menanggung perbelan-

jaan kos operasi bagi 37,012 lampu jalan di rancangan Felda seluruh negara. Ini akan melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM7.7 juta setahun,” katanya.

Selain peruntukan itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan, mengumumkan kerajaan akan menjadikan Felda sebagai peneraju transformasi digital menerusi program Digital Madani bagi memperkasa ekonomi gig.

Katanya, kerajaan juga akan membina 12 buah Pusat Hemodialisis dengan peruntukan RM211 juta di semua Felda dan sebuah lagi di premis Yayasan Felda di Kelana Jaya yang dijangka boleh memberi manfaat ke-

pada hampir 2,000 pesakit di kawasan rancangan Felda.

“Bagi menjamin aspek penjagaan kesihatan untuk peneroka 65 tahun, kerajaan memperkenalkan insentif khas Sumbangan Kesihatan Rahmah (SKR) sebanyak RM300 dengan peruntukan keseluruhan RM21.21 juta yang bakal memberi manfaat kepada 70,715 peneroka,” katanya.

Selain itu, Anwar berkata, bagi membantu menyelesaikan isu Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) yang terbengkalai, kerajaan akan menyiapkan baki 283 unit perumahan berkenaan dengan segera.